

29 OCT 2002

Najib-Kerahan (Bergambar)

KERAHAN TENAGA BUKAN ALA-TENTERA, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Kerahan tenaga yang difikirkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukan dalam bentuk kerahan tenaga ala-tentera, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Namun, unsur-unsur latihan ketenteraan mungkin diserapkan dalam program itu, katanya kepada pemberita di sini hari ini ketika diminta mengulas sama ada Kementerian Pertahanan mempunyai model bagi kerahan tenaga sebegitu.

Najib berkata model kerahan tenaga kementerian adalah mewajibkan setiap warganegara Malaysia yang mencecah 18 tahun dan ke atas mengikuti latihan ketenteraan.

Terdahulu dalam majlis yang berlangsung di Kementah, Najib menerima cek daripada Presiden Institut Teknologi Sepang, Dr Mak Chai, yang merupakan biasiswa bernilai RM99,000 bagi anak-anak warga tentera yang berkelayakan melanjutkan pengajian di peringkat diploma di institut berkenaan.

Pada Sabtu lepas, Dr Mahathir berkata beliau akan mengemukakan kepada kabinet mengenai cadangan untuk melaksanakan kerahan tenaga bagi memupuk semangat patriotik di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini.

Najib berkata penjelasan lanjut mengenai kerahan tenaga yang dicadangkan itu dapat diberikan selepas kabinet membincangkannya.

Terdahulu dalam ucapannya, Najib berkata Kementerian Pertahanan tidak pernah mengabaikan aspek pendidikan dalam pembangunan keseluruhan Angkatan Tentera Malaysia.

Katanya, usaha serius kementerian telah bermula pada 1980 dengan mengadakan skim pengajian tinggi ATM dan sekarang pula pengajian separuh masa melalui pendidikan jarak jauh dan program pembelajaran elektronik.

-- BERNAMA

RV AHH MAI